



MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG

TEKS UCAPAN ALUAN

YANG BERBAHAGIA DATUK HAJI ABDUL HAMID BIN HUSSEIN

DATUK BANDAR

SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN PROGRAM ARKIB KOMUNITI

SABTU, 17 MEI 2025

9.30 PAGI

**PEKARANGAN BANGUNAN GALERI WARISAN
MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG (MBDK)
KLANG, SELANGOR**

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta`ala kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kita diberi kesempatan untuk bersama-sama dalam Majlis Pelancaran Program Arkib Komuniti pada pagi ini. Bagi Majlis Bandaraya Diraja Klang, saya merakamkan ucapan penghargaan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara dan EXCO Perumahan & Kebudayaan Selangor di atas kesudian hadir ke majlis pada pagi ini.

2. Saya turut mengalu-alukan kehadiran tetamu kehormat, hadirin hadirat serta rakan media yang sudi meluangkan masa pada hari ini. Penghargaan terima kasih juga kepada Ketua Pengarah, Arkib Negara Malaysia dan kami sangat berbesar hati kerana diberi peluang menjadi rakan strategik utama dalam penganjuran program pada kali ini.

KERJASAMA STRATEGIK DENGAN ARKIB NEGARA

3. Sebagai makluman, kerjasama Majlis Bandaraya Diraja Klang dengan Arkib Negara bermula dengan satu kunjungan hormat Majlis Perbandaran Klang ke Arkib Negara Malaysia pada 25

September 2020. Pada kunjungan tersebut, Datuk Azemi bin Abdul Aziz, Ketua Pengarah Arkib ketika itu, memaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Klang adalah pihak berkuasa tempatan pertama yang melakukan lawatan rasmi ke Arkib Negara dan beliau telah mencadangkan Majlis Perbandaran Klang dan Arkib Negara melaksanakan satu memorandum persefahaman (MOU) berkaitan Sejarah Klang dan Selangor.

4. Lanjutan daripada kunjungan tersebut maka satu Majlis Pemeteraian Nota Kerjasama antara Majlis Perbandaran Klang dan Arkib Negara Malaysia telah diadakan pada 1 April 2021. Pada majlis tersebut, Majlis Perbandaran Klang dan Arkib Negara Malaysia telah menandatangani satu nota kerjasama selama tiga tahun dalam penyelidikan sejarah serta pendokumentasian dalam usaha untuk menjadikan Klang sebagai Bandaraya Diraja Melayu dan mendapatkan pengiktirafan UNESCO sebagai Bandar Warisan Diraja di peringkat dunia.

5. Hasil daripada nota kerjasama tersebut Majlis Bandaraya Diraja Klang telah menubuhkan Bahagian Warisan yang diketuai seorang pegawai Kurator serta memperkenalkan program Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang sebagai langkah awal ke arah mencapai status Bandaraya Diraja.

6. Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang yang meliputi hampir seluruh daerah Klang, terdiri daripada 28 laluan jejak baru dengan masing-masing mempunyai tema laluan tersembunyi dan lebih daripada 350 penanda tempat bersejarah, dengan bantuan maklumat diperolehi daripada koleksi simpanan Arkib Negara.

Tengku, Tan Sri, Datuk Setia, Datuk, Datin, Tuan-tuan, Puan-puan yang dihormati sekalian

PEMEROLEHAN SUMBER SEJARAH SEJARAH KLANG DAN SELANGOR

7. Pemilihan Klang sebagai lokasi pertama bagi Program Arkib Komuniti adalah selari dan bertepatan dengan Ulang Tahun Pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan di Klang yang ke-135 yang bakal disambut pada 1 Ogos 2025.

8. Klang, sebagai salah satu petempatan terawal di Semenanjung Tanah Melayu berusia lebih 4,500 tahun berdasarkan tinggalan artifak yang ditemui, sudah pasti mempunyai banyak warisan sejarah yang masih perlu diterokai.

9. Aktiviti pemerolehan koleksi bahan persendirian di Klang menerusi program Arkib Komuniti akan dapat memperkayakan maklumat dan sumber sejarah tempatan berkaitan sejarah Klang dan Selangor yang diperolehi daripada komuniti. Ini kerana, dalam Program Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang, tumpuan adalah kepada pemeliharaan kepada monumen, tapak sejarah dan lokasi peristiwa secara fizikal. Setiap warisan sejarah yang disertai dengan maklumat dan fakta yang tepat serta sumber sejarah yang sahih yang diperolehi akan dapat menarik minat pengkaji dan penyelidik dalam komuniti dan pengunjung luar negara.

10. Majlis Bandaraya Diraja Klang berharap program hari ini menjadi pencetus dan akan diadakan lagi bersama komuniti di peringkat mukim di Klang dan daerah lain di Selangor. Program ini perlu diadakan secara berterusan untuk mendapatkan lebih banyak koleksi persendirian yang masih disimpan oleh individu, keluarga, tokoh, pertubuhan dan komuniti.

11. Selain itu, program ini yang melibatkan pelbagai masyarakat berbilang agama, bangsa dan budaya di komuniti akan dapat memupuk semangat kebersamaan, patriotisme dan perpaduan di kalangan mereka selaras dengan hasrat Tuanku Sultan Selangor yang mahu Bandaraya Diraja simbol perpaduan pelbagai kaum.

12. Sebagai makluman, Majlis Bandaraya Diraja Klang merancang untuk membangunkan sebuah Galeri Warisan di bangunan ini dan sudah pastinya Arkib Negara adalah agensi yang menjadi rujukan utama untuk mendapatkan maklumat berkaitan koleksi bahan dan dokumen sejarah Klang sebagai pengisian galeri tersebut.

13. Sehubungan itu juga, sebagai sokongan dan bagi membantu menjayakan program Arkib Komuniti, Majlis Bandaraya Diraja Klang menawarkan Galeri Warisan ini untuk dijadikan sebagai pusat aktiviti Arkib Komuniti di Selangor dan Klang khususnya.

PENUTUP

14. Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan terima kasih dan tahniah kepada Arkib Negara sebagai agensi utama yang menganjurkan program ini. Terima kasih juga kepada rakan-rakan strategik lain seperti Pejabat Daerah dan Tanah Klang, Pejabat Perpaduan Daerah Klang, Perpustakaan Awam Daerah Klang, Pejabat Penerangan Daerah Klang, Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz, Pejabat Kemajuan Orang Asli Daerah Klang, Tourism Selangor Sdn Bhd, Media Selangor Sdn Bhd serta semua pihak

yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan Program Arkib Komuniti hari ini.

Wabillahittaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.